

# PENYELIDIKAN JANGKA PENDEK 71/98

## TAJUK : "Perspektif Amerika Syarikat Terhadap Kegawatan Ekonomi Asia Tenggara. Kajian Kes : Malaysia"

Oleh Asmady Idris  
Pensyarah Hubungan Antarabangsa  
Sekolah Sains Sosial

### BAB I : SINOPSIS

Kajian penyelidikan ini menumpu kepada perspektif dan peranan Amerika Syarikat dalam menstabilkan semula krisis ekonomi Asia Tenggara, sambil memberikan perhatian kepada langkah dan inisiatif kerajaan Malaysia (sebagai kajian kes) untuk memulihkan situasi malap ekonomi kepada pertumbuhan normal dan dinamik. Untuk menjadikan perbincangan lebih kritikal dan analitikal, kajian ini menggabungkan aplikasi teoritikal dan penggunaan data terkini. Teori yang dianalisis ialah Teori Angsa Terbang oleh Akamatsu Kaname (1930-an) sewaktu beliau menjalankan penyelidikan tentang industri tekstil di Jepun. Intipati utama teori ini ialah ia mengatakan bahawa Jepun, secara tidak langsung' adalah penyumbang utama pembangunan industri negara-negara di Asia Timur dan Asia Tenggara. Dengan kata lain, Jepun adalah ibu angsa, manakala negara-negara Asia yang lain adalah anak-anak angsa. Teori ini telah dikaji lagi secara terperinci oleh Bruce Cumings (1987) dan mendapati bahawa wujud senario pergantungan antara Jepun dan negara-negara Asia. Berdasarkan kepada teori ini, penulis telah menjadikannya sebagai asas perbincangan tentang penglibatan Amerika Syarikat dalam krisis ekonomi ini. Dari hasil kajian, penulis mendapati bahawa teori Angsa Terbang merupakan 'batu sandungan' kepada penglibatan Washington sepenuhnya sehingga kuasa utama dunia ini dipertikai oleh pelbagai pihak. Seterusnya, rata-rata menyedari bahawa permasalahan krisis ekonomi Asia Tenggara merupakan masalah global dan sewajarnya semua pihak bekerjasama ke arah proses pemulihan. (Untuk keterangan selanjutnya sila lihat laporan lengkap penyelidikan).

### BAB II : PENDAHULUAN

#### i.Latar Belakang

Tragedi kejatuhan nilai mata wang negara-negara Asia Tenggara khususnya, dan amnya Asia Timur telah menyebabkan berlakunya kegawatan ekonomi yang tenat. Akibat daripada ini, pelbagai pihak telah mempersoalkan peranan Amerika Syarikat sebagai kuasa 'pengimbang' rantau ini dan pemimpin ekonomi dunia. Malah, Amerika Syarikat turut dikaitkan sebagai faktor utama krisis ekonomi ini. Namun, Prof. Simon W. Sheldon (1998) menafikan dakwaan ini. Persoalannya, sejauhmanakah penglibatan Amerika Syarikat di dalam krisis ini? Adakah wujud 'halangan' bagi Washington untuk terlibat

